

20/09/2003

Pemberian elaun bantu ringan beban ibu bapa

Norzilawati Abdul Halim

PELBAGAI pihak menyifatkan pemberian elaun bulanan sebanyak RM25 sebulan kepada pelajar kurang upaya di sekolah rendah dan menengah akan menggalakkan mereka mendapat ilmu, selain membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap golongan berkenaan.

Bagaimanapun, mereka berharap kerajaan terus mempertingkatkan kemudahan bagi membolehkan pelajar kurang upaya mendapat pendidikan lebih sempurna.

Pengarah Eksekutif, Persatuan Orang Buta Malaysia, George Thomas, berkata elaun itu sedikit sebanyak membantu meringankan bebanan ibu bapa yang terpaksa menanggung kos pengangkutan anak mereka ke sekolah.

"Langkah ini juga dapat meningkatkan kesedaran dan menggalakkan ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah bagi mendapatkan ilmu seperti orang lain.

"Sebenarnya, tidak semua ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya mampu menghantar anak mereka ke sekolah berikutan masalah kewangan," katanya kepada Berita Harian mengulas cadangan kerajaan memberi elaun itu.

Dalam Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, kerajaan bersimpati dengan tanggungjawab berat ibu bapa kepada kanak-kanak kurang upaya dan kos yang tinggi untuk menghantar anak mereka ke sekolah khas.

Bagaimanapun, George mencadangkan supaya kerajaan menyediakan kenderaan khas bagi mengangkut pelajar kurang upaya ke sekolah kerana jumlah elaun yang dicadangkan itu masih belum mencukupi untuk ibu bapa berbuat demikian.

Pengarah Beautiful Gate, Sia Siew Chin, pula berpendapat cadangan kerajaan itu hanya dapat mengatasi sebahagian kecil masalah yang dihadapi ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya.

Katanya, jika kerajaan mahukan golongan kurang upaya menuntut ilmu, kemudahan secukupnya hendaklah disediakan, antaranya membina sekolah harian yang mesra golongan itu.

"Kebanyakan sekolah kecuali sekolah khas tidak menepati ciri untuk kemudahan pelajar kurang upaya. Ibu bapa bukan saja menghadapi masalah menghantar anak mereka ke sekolah, malah terpaksa berada di sekolah itu bagi membantu anak mereka bergerak," katanya.

Sementara itu, seorang ibu, Rusnap Mohamad, 47, yang mempunyai anak cacat pendengaran dan fizikal berpendapat elaun bulanan RM25 untuk menanggung kos menghantar anak ke sekolah masih tidak mencukupi.

"Jarak antara rumah dan sekolah anak saya cuma lima kilometer tetapi bayaran pengangkutan dikenakan untuk sehala RM50 sebulan. Bayangkan kos itu terpaksa ditanggung ibu bapa yang kurang kemampuan. Diharap kerajaan dapat menambah jumlah elaun itu atau menanggung sepenuhnya kos pengangkutan pelajar kurang upaya dalam Bajet tahun depan," katanya.